

SULIT



www.lamanbahasa.wordpress.com

**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
LAKI-LAKI METHODIST KUALA LUMPUR**

**PERATURAN PERMARKAHAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2014
BAHASA MELAYU**

1103 / 2(PP)

Kertas 2

Ogos

2 ½ jam

Dua Jam Tiga Puluh Minit

Disediakan oleh : En. Khairul Izhar b. Jaafar

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Menengah Kebangsaan Laki-Laki Methodist Kuala Lumpur**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan

Kertas ini mengandungi 10 halaman yang bercetak

[Lihat halaman sebelah

SULIT

(Markah penuh : 110 markah)

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada :

- a) Isi - 20 markah
- b) Bahasa - 10 markah

a) **Isi** [20 markah]

Nota :Panduan mengira perkataan :

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- i. Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- ii. Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- iii. Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
Pendahuluan											2
Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
Penutup/Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

Soalan 1: Rumusan [30 markah]

Pendahuluan

Pendekatan 1: Petikan membincangkan pengorbanan yang disumbangkan oleh guru sangat besar dalam kehidupan seseorang.

Pendekatan 2: Petikan membincangkan faktor-faktor seseorang itu harus mengenang pengorbanan guru.

SULIT

Isi-isi Tersurat [Sebab-sebab]

1. Pelajar yang masih di bangku sekolah menganggap guru sebagai ibu bapa kedua mereka.
2. Guru melakukan sesuatu yang mulia demi kebaikan pelajarannya.
3. Hasil didikan guru telah meletakkan mereka pada kedudukan sekarang.
4. Tidak ada guru yang mahu melihat pelajarannya gagal.
5. Gurulah orang yang paling bangga apabila pelajar mencapai kejayaan.
6. Guru bukanlah manusia yang suka mengungkitkan segala hal tentang pengorbanan mereka.
7. Guru mengikhlaskan pengorbanan mereka sebagai sumbangan bakti kepada anak bangsa.
8. Guru tidak mengharapkan sebarang balasan daripada bekas pelajar.
9. Gurulah insan yang pernah melakarkan jalan hidup kita suatu masa dulu.

Isi-isi Tersirat [Cabaran]

1. Sambutan yang dingin daripada pelajar-pelajar ketika proses pengajaran dan pembelajaran.
2. Kurang mendapat kerjasama daripada ibu bapa berhubung dengan masalah pembelajaran pelajar-pelajar.
3. Terpaksa berhadapan dengan masalah disiplin pelajar yang kian sukar dikawal.
4. Mengemaskinikan pengetahuan dan maklumat setaraf dengan perkembangan teknologi maklumat dan telekomunikasi.
5. Tuntutan masyarakat dalam bidang pendidikan yang melebihi keupayaan guru.
6. Sikap ego sesetengah anggota masyarakat yang membandingkan kedudukan guru dengan status mereka.

Kesimpulan

Kesimpulannya, setiap orang wajar menghargai jasa guru **agar/supaya** tidak menjadi manusia yang lupa diri.

Nota :

- i. Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- ii. Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- iii. Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, **berikan 0 markah**.
- iv. Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa **maksimum : 10** markah]

P – 2m
S – 4-12m
T – 4-12m
K – 2m
I – 20m
B – 10m
30m

Soalan 2 : Pemahaman

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : **9** markah

Soalan 2(b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan **2** markah:

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
Jawapan tidak tepat/ salah	0

2. Soalan **3** markah:

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
-Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis -Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan **4** markah

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan (2d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sepurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **tepat/betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

SULIT

Soalan 2 (a): Pemahaman

- i. ...“terasa hati” dalam petikan di atas maksudnya tersinggung
- ii. ...tindakan yang patut kita lakukan antaranya termasuklah **menelefon mereka – menziarahi mereka – mendoakan kesejahteraan mereka**
- iii. ...kerana sibuk dengan urusan masing-masing – alam persekolahan sudah berlalu – ikatan mereka dengan bekas guru sudah renggang – mengenang jasa guru atau tidak sama sahaja bagi mereka – berdendam atas tindakan guru terhadap mereka

Soalan 2 (b): Petikan Drama

- (i) ...emak ketika sakit akan terus bertugas – emak tidak meminta cuti daripada menjaga anak
- (ii) ..tidak wajar – bapa mereka bertarung nyawa mencari rezeki di lautan – emak mereka bersusah payah membesarkan mereka – menjadi tanggungjawab anak menjenguk keluarga apabila ditimpa musibah
- (iii)persoalan **dalam petikan**:
pengorbanan ibu bapa demi membesar dan mendidik anak sehingga berjaya.
.....persoalan **dalam keseluruhan drama**:
 - pengorbanan dan kasih sayang seorang isteri terhadap suaminya.
 - Kesetiaan seorang isteri terhadap suami yang dikasihinya
 - Kesibukan anak-anak dalam dalam kerjaya sehingga mengabaikan perhatian dan kasih sayang mereka terhadap ibu bapa.
 - Ketentua qada dan qadar Tuhan
 - Keceluparan anak menggores hati dan perasaan seorang ibu
 - Kasih sayang yang tidak boleh ditukar ganti dengan wang ringgit.

(setiap jawapan perlu dihuraikan)

Soalan 2 (c): Petikan Prosa Tradisional

- (i) ...supaya dapat membantu Raja Kedah menjatuhkan/mengalahkan saudaranya – supaya Raja Kedah dapat memerintah negeri Kedah
- (ii)...janji Raja Kedah: akan memberikan Opu Daeng dan saudara-saudaranya lima belas bahara setiap seorang sekiranya berjaya dalam perebutan kuasa tersebut – syarat Opu Daeng: meminta pengesahannya/persetujuannya orang dagang dari Timur seperti orang Bugis, Mengkasar, dan Madura di bawah pemerintahannya
- (iii)...supaya kedua-dua belah pihak maklum tentang janji yang telah dibuat – memperoleh ganjaran/pulangan sebagaimana yang ditetapkan/ – tidak mendatangkan perasaan tidak puas hati pada kemudian hari

Soalan 2 (d): Petikan Seloka

- (i) ..Sanggup meruntuhkan rumah untuk mendapatkan kayu api – menyusukan anak orang tetapi anak sendiri dibiarkan kelaparan – mengutamakan orang luar daripada keluarga sendiri
- (ii) - Menilai kemampuan sendiri terlebih dahulu
 - menilai sama ada berbaloikah kita atau perlukah kita berkorban untuk orang lain terlebih dahulu
 - membuat pertimbangan sama ada bantuan yang diberikan tidak mengganggu keluarga sendiri.
- (iii) - Nasib malang yang menimpa akibat sikap terburu-buru atau tidak menggunakan akal dalam setiap tindakan
 - Sikap tindakan perlu mengutamakan anak sendiri daripada orang luar
 - Kepentingan sikap berpada-pada dalam melayan tetamu
 - Sikap masyarakat yang mengganggu orang luar
 - Tidak rasional dalam sesuatu tindakan

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

- Soalan 3(a) : **6** markah
- Soalan 3(b) : **6** markah
- Soalan 3(c) : **6** markah
- Soalan 3(d) : **6** markah
- Soalan 3(e) : **6** markah

Perhatian bagi Soalan 3 (a)

1. Berikan **1 markah** bagi setiap ayat yang betul
2. Tolak $\frac{1}{2}$ **markah** bagi **kesalahan ejaan / jalan bahasa/ tanda baca** daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan **0 markah**
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan **0 markah**
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh **1 markah**.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, **tolak** $\frac{1}{2}$ **markah** bagi setiap ayat
7. Jika semua perkataan digunakan dalam **satu ayat**, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Ayat tidak jelas tolak $\frac{1}{2}$ **markah**.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan **0 markah**.

SULIT

- (a) (i) (berketerampilan : berupaya menjalankan tugas dengan cekap)
Pendidikan pada peringkat universiti seharusnya berupaya melahirkan siswazah yang berketerampilan dalam pelbagai bidang.
- (ii) (bertepatan : cocok)
Penulis-penulis buku teks wajar ditetapkan oleh pihak yang bertanggungjawab supaya menghasilkan buku yang kandungannya bertepatan dengan sukatan pelajaran.
- (iii) (membolosi : menembusi)
Peranan media telah membantu pengaruh kebudayaan Barat membolosi gaya hidup rakyat kita terutama golongan remaja.
- (iv) (mengimbangi : menandingi)
Penggunaan alat pemanas di dalam bilik masih tidak dapat mengimbangi suhu yang amat dingin di kawasan pergunungan itu.
- (v) (dihuru-harakan : dikacau-bilaukan)
Kehidupan kami yang aman dan tenteram selama ini dihuruharakan oleh pendatang asing yang kerap melakukan jenayah.
- (vi) (diputar-belitkan : diubah-ubah janji dengan tujuan untuk menipu)
Penyewa dan pemilik rumah itu berselisih faham apabila masing-masing mendakwa perjanjian yang dipersetujui telah diputarbelitkan.
- (b) (i) Beliau disegani kerana kecekapannya menjalankan tugas.
(ii) Pengajaran yang berkesan dapat menghalang pelajar ponteng kelas.
(iii) Kejayaan seseorang itu bergantung pada kegigihannya.
- (c) (i) ejaan : **akademi – akademik**
imbuhan: **menandatangani – menandatangani**
- (ii) ejaan: **stesyen – stesen**
imbuhan: **mempercayai – dipercayai**
- (iii) ejaan: **dokumanteri – dokumentari**
imbuhan: **pengambaran-penggambaran**

SULIT

- (d) (i) Kesalahan penggunaan kata/istilah:
estetika - prosedur
Kesalahan tatabahasa:
dalam – dan
- (ii) Kesalahan penggunaan kata/istilah:
Mahkamah Persekutuan - Mahkamah Perlembagaan
Kesalahan tatabahasa:
dan – atau
- (iii) Kesalahan penggunaan kata/istilah:
bayar - belanja
Kesalahan tatabahasa:
justeru – supaya
- (e) (i) Malu berkayuh perahu hanyut, malu bertanya sesat jalan
(ii) Cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar
(iii) Alah bisa tegal biasa

Soalan 4

(Markah penuh 15 markah)

Panduan pemarkahan bagi **Soalan 4**

4(a)

- I. Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari
- II. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
- III. Beri 1 markah bagi setiap pernyataan yang lengkap / jelas
- IV. Beri 1 markah bagi contoh peristiwa yang lengkap / jelas
- V. **Markah isi maksimum 4 markah**
- VI. **Markah bahasa maksimum 3 markah**
- VII. Markah bahasa diberi secara impression
 - Baik : 3 markah
 - Sederhana : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- VIII. Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- IX. Calon tidak menjawab 0 markah

[**Maksimum : 7 markah**]

SULIT

Novel *PAPA... (akhirnya kau tewas jua!)*

...Berdasarkan novel *PAPA... (akhirnya kau tewas jua!)* karya Deana Yusof, dua peristiwa yang berkaitan dengan persoalan maruah termasuklah:

...Peristiwa yang melibatkan **maruah diri**. Contohnya, Intan Juliana mengambil keputusan untuk pulang ke asrama pada pagi keesokan harinya dengan menaiki teksi setelah dia ditampar oleh papanya, iaitu Jeffri akibat kelantangan mulutnya menghalang papanya daripada menikahi Aishah yang dianggap akan menduakan kasih ibunya.

... Peristiwa yang melibatkan **maruah keluarga**. Contohnya, papa Intan Juliana, iaitu Jeffri menghalang dengan sekeras-kerasnya hubungan persahabatan anaknya, iaitu Intan Juliana dengan Rasydan kerana Jeffri tidak mahu keluarganya mendapat aib apabila anaknya berkawan dengan anak luar nikah, iaitu Rasydan.

4(b)

- I. Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari
- II. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
- III. Beri 1 markah bagi setiap pernyataan yang lengkap 13
- IV. Beri 1 markah untuk setiap huraian / contoh yang lengkap / jelas
- V. **Markah isi maksimum 6 markah** (maksimum 3 markah bagi setiap novel)
- VI. **Markah bahasa maksimum 2 markah**
- VII. Markah bahasa diberi secara impression
 - Baik : 2 markah
 - Sederhana : 1 markah
- VIII. Jika calon menjawab dan markah isi 0 beri 1 markah untuk bahasa
- IX. Jika calon tidak menjawab 0 markah

Novel *PAPA... (Akhirnya kau tewas jua!)*

- Kita hendaklah bersabar dalam menghadapi ketentuan ilahi:
- Kita hendaklah bersimpati dan prihatin
- Janganlah melakukan perkara yang dilarang oleh agama seperti zina dan membuang anak.
- Suami dan isteri perlu mengekalkan hubungan mesra walaupun telah lama mendirikan rumahtangga.
- Janganlah membelakangkan aspek kesihatan dalam memenuhi keinginan mahu mendapatkan zuriat.
- Jagalah diri agar tidak terjerumus ke lembah maksiat dengan melakukan hubungan terlarang. Kita hendaklah gigih berusaha bagi mencapai kejayaan dalam pelajaran.
- Kita hendaklah menjaga ikatan kekeluargaan agar sentiasa hidup dalam kesejahteraan.
- Kita perlu menjaga batasan dalam menunjukkan kemesraan kepada keluarga tetapi jangan keterlaluan.
- Kita hendaklah memilih kawan/sahabat berdasarkan keperibadian dan akhlak, bukan kerana asal usul

Novel *Konserto Terakhir*

- Kita hendaklah membantu orang yang memerlukan bantuan dengan ikhlas.
- Kita tidak sewajarnya memandang rendah/hina pada orang lain.
- Kita hendaklah mendengar dan mematuhi nasihat orang yang banyak pengalaman daripada kita.
- Kita hendaklah berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai sesuatu yang kita impikan dalam kehidupan.
- Kita perlulah insaf dan berusaha untuk memperbaiki keadaan apabila menyedari kesilapan yang pernah dilakukan.
- Kita hendaklah menjaga nama baik/maruah ahli keluarga dan sanak saudara.
- Kita mestilah sentiasa mengamalkan kerjasama untuk menjayakan sesuatu rancangan.
- Kita sewajarnya menyayangi antara satu sama lain tanpa mengira taraf kedudukan dan pangkat.
- Kita harus kembali kepada ajaran agama untuk mendapat ketenangan hidup.
- Kita mestilah menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan baik.
- Kita hendaklah saling memaafkan dan tidak menyimpan dendam antara satu sama lain.
- Kita hendaklah menghormati pasangan kita (suami/isteri) dan seluruh ahli keluarga demi memastikan keharmonian rumah tangga yang bahagia.
- Janganlah kita mementingkan darjat dan pangkat hingga sanggup menghina orang lain.
- Janganlah kita hanyut dengan kekayaan hingga lupa akan kampung halaman sendiri